

22/07/1999

PNB sedia kembang kepakaran urus dana

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB) bersedia mengembangkannya dalam pengurusan dana dan saham amanah di peringkat antarabangsa selepas kemampuannya mendapat kepercayaan pelabur di negara ini.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman, berkata bagi tujuan itu, PNB mendapatkan perkhidmatan pengurus dana antarabangsa bagi menguruskan dananya sebanyak RM500 juta di luar negara.

Selain itu, katanya, PNB turut menghantar pengurus dananya menjalani latihan jangka pendek di institusi pengurusan dana amanah asing, termasuk Jepun, Amerika Syarikat, London dan Eropah.

"Kerjasama dengan institusi dana amanah asing dan penghantaran pengurus dana PNB ke luar negara, terutama yang pakar dalam bidang ini diharap melengkapkan PNB dengan keupayaan bersaing di peringkat antarabangsa," katanya selepas pelancaran Amanah Saham Nasional Dua (ASN2) peringkat Perak oleh Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, di Ipoh, semalam.

Hamad Kama Piah berkata, selain itu, PNB juga berusaha sama dengan Securities Institute of Australia (SIA) menubuhkan Institut Pelaburan PNB untuk melatih pegawainya mendapatkan kemahiran baru dalam pengurusan dana.

Pada masa ini, menurutnya, kursus Diploma Kewangan Gunaan dan Industri itu hanya ditawarkan kepada kakitangannya dan akan dibuka untuk orang awam pada masa depan.

Katanya, melalui kerjasama dengan pengurus dana asing itu pihaknya lebih mudah melatih pengurus dananya belajar daripada pengalaman menilai penanda atau benchmark urus niaga kewangan agar setanding pengurus dana antarabangsa lain.

Sejak dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, 9 Jun lalu, ASN2 menarik pelaburan 74 juta unit membabitkan 9,000 pelabur, termasuk 61 juta unit menerusk pelaburan biasa dan 13 juta unit daripada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Terdahulu, pada jamuan bersama media massa sempena pelancaran ASN2 peringkat Perak, malam kelmarin, Hamad Kama Piah berkata, PNB akan memperkenalkan skim saham amanah terbaru, sama ada dalam masa terdekat atau masa sesuai bagi menampung keperluan rakyat semua kaum selepas kejayaan skim sedia ada, termasuk Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020.

Menurutnya, ini kerana kuota untuk bukan Bumiputera dalam ASW 2020 hampir dipenuhi, membabitkan pelaburan RM1.465 bilion, manakala kuota untuk Bumiputera dalam ASW 2020 baru terjual RM335 juta daripada RM1.5 bilion yang diperuntukkan bagi golongan itu.

Selain itu, katanya, skim baru itu membolehkan pelabur yang memiliki saham maksimum 200,000 unit dalam Amanah Saham Nasional (ASN) memanfaatkan skim lain, terutama ASN2 dengan pelaburan maksimum 500,000 unit.

"Setakat ini 2.4 bilion unit daripada 2.5 bilion unit ASN sudah dijual. Kini hanya ada 100 juta unit untuk dibeli dan selepas itu mereka yang ingin membelinya terpaksa berbuat demikian di pasaran terbuka," katanya.

Katanya, kebanyakan pelabur dalam skim saham amanah PNB adalah suri rumah, yang mana golongan itu membeli 12 juta unit dalam ASN2 setakat ini, selain ahli perniagaan/pentadbir (10 juta) dan eksekutif (7 juta).

Mengenai potensi ASN2, katanya, PNB menjangkakan menarik pelaburan 1 bilion unit daripada dana 2.5 bilion yang diperuntukkan, sebelum 30 September depan terutama daripada pencarum KWSP.

Katanya, ini waktu terbaik melabur ketika pemulihan ekonomi yang menggalakkan pertumbuhan pasaran saham dan saham amanah, manakala pelabur

yang kekurangan wang dan golongan miskin pula boleh memanfaatkan skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dengan pelaburan minimum 10 unit.
(END)